



## KENYATAAN TAWARAN INPEN (SELANGOR) SDN BHD

### PELAWAAN PERMOHONAN SEBAGAI PANEL PEMBEKAL BAGI BEKALAN ALAT TULIS DAN PEJABAT UNTUK STOR ALAT TULIS SELANGOR TECHNICAL SKILLS DEVELOPMENT CENTRE (STDC)

---

#### 1.0 KENYATAAN PELAWAAN

INPEN (Selangor) Sdn. Bhd. (INPENS) mempelawa syarikat-syarikat yang berkeelayakan, berpengalaman dan berdaftar untuk memohon sebagai Panel Pembekal bagi tujuan membekalkan alat tulis dan pejabat untuk keperluan Stor Alat Tulis INPENS. Pelantikan panel pembekal ini bertujuan memastikan kelangsungan bekalan alat tulis dan pejabat dengan lebih efisien, sistematik dan mengikut keperluan operasi STDC.

#### 2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Pemohon yang berdaftar dan masih sah pendaftarannya dengan INPENS.
- 2.2 Pemohon hendaklah syarikat yang berdaftar dan masih sah pendaftarannya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 2.3 Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam pembekalan alat tulis atau peralatan pejabat.
- 2.4 Mempunyai rekod pembekalan yang baik serta berkeupayaan untuk membekalkan barangan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 2.5 Bersedia membekalkan barangan berkualiti mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh INPENS.
- 2.6 Keutamaan diberikan kepada syarikat berdaftar di negeri Selangor.

#### 3.0 SKOP PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- 3.1 Pembekal yang dilantik adalah bertanggungjawab membekalkan pelbagai item alat tulis termasuk tetapi tidak terhad kepada kertas, alatan menulis, fail & penyimpanan dokumen, serta keperluan pejabat lain.
- 3.2 Pembekal bertanggungjawab memastikan semua bekalan:
  - Baru & berkualiti
  - Mengikut jenama dan spesifikasi yang akan ditetapkan oleh STDC
  - Dihantar mengikut lokasi & tempoh yang dipersetujui

#### 4.0 TEMPOH PELANTIKAN

Tempoh pelantikan panel pembekal adalah selama **satu (1) tahun** iaitu bermula pada **01 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026** dan boleh diperbaharui berdasarkan prestasi pembekal serta keperluan INPENS.

## 5.0 CARA MEMOHON

5.1 Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen permohonan lengkap seperti berikut:

- Profil syarikat
- Salinan sijil pendaftaran SSM (maklumat syarikat terkini)
- Senarai barangan / katalog & harga yang ditawarkan
- Senarai pelanggan & rekod pembekalan sebelumnya (jika ada)Penyata kewangan terkini

5.2 Dokumen permohonan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan dihantar ke alamat berikut sebelum tarikh tutup:

**PEJABAT JABATAN PENGURUSAN ASET  
INPEN (SELANGOR) SDN BHD**

Selangor Technical Skills Development Centre (STDC)  
Kampus Kuala Selangor  
Jalan Semarak,  
45000 Kuala Selangor  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh tutup permohonan: **15 Disember 2025**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

**Unit Perolehan**

**Jabatan Pengurusan Aset**

Telefon: +603 3281 2619/20/21 (Sambungan 220)

Emel: nafisah@stdc.edu.my

Laman Sesawang: [http:// stdc.edu.my](http://stdc.edu.my)

## 6.0 PERINGATAN

Permohonan yang lewat dihantar selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. INPEN (Selangor) Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan hanya syarikat yang berjaya akan dihubungi.